



## HEMAT KETIKA MEMBELI

### • JANGAN MEMBELI SECARA MELULU

Pertimbangkan segala pembelian hanya jika anda memerlukan atau menghendaki serta mampu membelinya. Gunakan senarai membeli-belah. Bawa wang yang cukup sahaja untuk membeli barang-barang yang anda kehendaki untuk mengelakkan pembelian yang tidak perlu.

### • PERIKSA DENGAN TELITI SESUATU BARANG SEBELUM ANDA MEMBELINYA

Undang-undang menentukan barang-barang yang dibeli mestilah mempunyai mutu dagangan yang baik. Ganti rugi mungkin tidak dapat dituntut bagi sebarang kerosakan sekiranya anda tidak memeriksa barang-barang tersebut sebelum membelinya.

### • BANDINGKAN HARGA

Sebelum anda membuat sesuatu keputusan untuk membeli, bandingkan harga barang-barang pada beberapa kedai (sekurang-kurangnya tiga buah kedai). Biasanya harga barang-barang tidak sama antara sebuah kedai ke kedai yang lain kecuali harga barang kawalan.

### • BACA SEMUA SURAT PERJANJIAN DENGAN BERHATI-HATI

Baca dan fahamkan semua perkara sebelum anda menandatangani. Pastikan semua butir yang masih kosong telah dipenuhi dan anda memiliki satu salinan perjanjian yang telah ditandatangani. Jangan tergesa-gesa menurunkan sebarang tandatangan. Jika anda ragu-ragu, bertanyalah kepada jurujual.



### • AWASI JUALAN MURAH

Sesetengah kedai sentiasa mengadakan jualan murah semata-mata untuk menarik anda memasuki kedainya. (Kerajaan membenarkan pasaran raya untuk mengadakan 4 kali jualan murah setiap tahun).

### • AWASI TAWARAN PERCUMA

Biasanya nilai tawaran percuma telah dimasukkan ke dalam harga barang. Sebenarnya tiada pemberian percuma di dalam sebarang perniagaan.

### • AWASI BELIAN SECARA POS

Dalam keadaan ini anda membayar untuk sesuatu barang tanpa melihatnya terlebih dahulu. Mutu barang mungkin tidak baik. Sukar untuk mendapatkan pengembalian semula wang anda.

### • PERJANJIAN BERTULIS

Pastikan semua perjanjian lisan dibuat secara bertulis di dalam perjanjian anda.

### • SIMPAN SEMUA DOKUMEN

Semua surat perjanjian, resit bayaran hendaklah disimpan di tempat yang selamat. Anda mungkin memerlukannya apabila timbul sesuatu kesulitan kelak.

### • BAYARAN ANSURAN BULANAN

Fikirkan dengan mendalam tentang bayaran ansuran dalam perjanjian sewa beli. Pastikan anda mampu membayar ansuran tersebut.



DI DALAM :  
TEMPAHAN  
DAN  
CARIAN  
**DAPATKAN  
DI SINI!**

**AUTO**  
  
Kereta  
Trak  
Bas

**NOTIS**  
  
Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Am

**KLASIFIKASI AM**  
  
Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
perabot

**HARTANAH**  
  
Rumah  
Kedai

**KERJAYA**  
  
Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan

**KERAJAAN**  
  
Laporan  
Kewangan  
Tender  
Notis Umum

**LELONGAN/  
GUAMAN**  
  
Hartanah  
Lelongan  
Guaman